

# MASTER CONTENT

## USING MIND MAP

### BAB 3 PENETAPAN VMO

ASPEK  
EKONOMI

Kadar pengangguran  
pada paras 4% atau  
kurang

- Penurunan tingkat  
harga umum untuk  
semua barang dan  
perkhidmatan secara  
berterusan di bawah  
nasi sifar

INFLASI

*Cikgu Nur Ty*



CTB0011

cikgooTUBE


PENDAPATAN  
UMAH


AN  
NGAN  
ARA

TEKNOLOGI

Tenaga manusia  
ganti dengan

Dasa





- Kewangan
  - Jaringan
  - Sumber manusia
  - Pemasaran
  - Teknologi
- 
- Bahan mentah
  - Modal insan
  - Modal
  - Keusahawanan
  - teknologi

Peratus penguasaan jumlah pengguna membeli produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan  
*(Jualan organisasi/jumlah jualan pasaran) x 100*

Penggunaan sumber yang cekap

- Pembelian online
- Penghantaran ke rumah
- Kemudahan pembayaran
- Membaik pulih barang

Kemampuan perniagaan terus kekal

Memaksimumkan keuntungan

Urus niaga antara penjual dan pembeli

Untuk menarik minat pengguna agar membeli produk dan perkhidmatan

Membesarkan perniagaan sedia ada

Hasil yang semakin meningkat

Menambah cawangan perniagaan

Pertumbuhan perniagaan

Daya saing

Syer pasaran

Jualan

Penyediaan perkhidmatan

$$TPM = \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga jualan seunit} - \text{Kos berubah seunit}}$$

Contoh:  
 Syarikat Pasu Bunga Sendirian Berhad mengeluarkan pasu bunga untuk pasaran seluruh negara. Kos tetap yang ditanggung syarikat ialah RM300 000. Harga jualan setiap pasu ialah RM5 dan kos berubah seunit ialah RM3.

Berapakah kuantiti yang perlu dikeluarkan oleh syarikat agar balik modal?


$$TPM = \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga jualan seunit} - \text{Kos berubah seunit}}$$

$$= \frac{RM300\ 0000}{RM5 - RM3}$$

$$= 150\ 000\ \text{unit}$$

$$TPM = \frac{\text{Kos Tetap}}{(\text{Harga jualan seunit} - \text{kos berubah unit})}$$


TITIK PULANG MODAL



# TITIK PULANG MODAL & SYER PASARAN

$$\text{TPM} = \frac{\text{KOS TETAP}}{\text{JUALAN SEUNIT} - \text{KOS BERUBAH SEUNIT}}$$

$$\text{Syer Pasaran} = \frac{\text{Jualan organisasi}}{\text{Jumlah Jualan Pasaran}} \times 100$$



Diberi:

Kos tetap	RM12 000
Kos berubah per unit	RM12
Harga jualan per unit	RM20

**Anda dikehendaki:**  
Hitungkan titik pulang modal dalam unit dan hasil.

Caruman per unit = Harga jualan seunit – Kos berubah seunit  
 = RM20 – RM12  
 = RM8

Titik pulang modal (unit) =  $\frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman}}$   
 =  $\frac{\text{RM12 000}}{\text{RM8}}$   
 = 1 500 unit

Jualan produk bagi Syarikat Yani ialah 220 000 unit.  
 Jumlah jualan produk di pasaran ialah 400 000 unit.

**Anda dikehendaki** hitungkan syer pasaran bagi Syarikat Yani.

Syer pasaran =  $\frac{\text{Jualan organisasi}}{\text{Jumlah jualan pasaran}} \times 100$   
 =  $\frac{220\,000 \text{ unit}}{400\,000 \text{ unit}} \times 100$   
 = 55%

Oleh itu, syer pasaran bagi Syarikat Yani ialah 55%.



# FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN VMO PERNIAGAAN



- Apa yang boleh anda lakukan dengan baik?
- Bagaimana anda bezakan diri anda dengan pesaing?
- Adakah anda mempunyai sumber untuk menjalankan penyelidikan dan penambahbaikan?
- Adakah aset/rangkaian (modal, saluran pengedaran, sistem atau teknologi) yang anda miliki?

S

“STRENGTHS”  
KEKUATAN



- Bahagian manakah yang memerlukan penambahbaikan untuk bersaing?
- Adakah kekurangan perniagaan anda?
- Adakah terdapat sebarang kekurangan dari segi sumber?

W

“WEAKNESSES”  
KELEMAHAN



- Adakah peluang yang ada di pasaran?
- Bagaimana ia boleh dimanfaatkan?
- Adakah persepsi terhadap perniagaan anda positif?
- Adakah terdapat sebarang perubahan atau perkembangan terkini dalam pasaran?

O

“OPPORTUNITIES”  
PELUANG



- Siapakah pesaing anda?
- Adakah faktor yang perlu dikawal untuk mengelakkan/mengawal risiko perniagaan?
- Adakah terdapat sebarang penurunan dari segi keuntungan?
- Adakah yang mengancam usaha pemasaran?

T

“THREATS”  
ANCAMAN

## Contoh analisis SWOT bagi kedai makanan segera

membantu untuk mencapai objektif

menghalang untuk mencapai objektif

Persekitaran dalaman

### **Kekuatan (Strengths)**

- Jenama global yg terkenal
- Cara penyediaan makanan yg cekap
- Dapat menyesuaikan diri dengan budaya yg berbeza di negara berlainan

### **Kelemahan (Weaknesses)**

- ❑ Kebanyakan iklan adalah berfokusn kanak2
- ❑ Persaingan harga dengan pesaing mengurangkn hasil perniagaan

Persekitaran luaran

### **Peluang (Opportunities)**

- Menggunakan khidmat SMS telefon mudah alih untuk membuat promosi

### **Ancaman (Threats)**

- Isu2 kesihatan dalam makanan
- Perkembangan yg pesat pesaing utama

# JOM UJI MINDA

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan objektif menjalankan perniagaan.

Selain memaksimumkan keuntungan, penyediaan perkhidmatan juga merupakan salah satu objektif menjalankan perniagaan.

Jelaskan penyediaan perkhidmatan dengan **dua** contoh yang sesuai.

[4 markah]

- (b) Terangkan **tiga** kesan kegagalan perniagaan mencapai matlamat dan objektif.

[6 markah]

## Bahagian B


4. (a) (i) Huraikan titik pulang modal.

[4 markah]

- (ii) Senaraikan **lima** andaian analisis titik pulang modal.

[5 markah]

- (b) Rajah 1 menunjukkan titik pulang modal bagi suatu produk.



Rajah 1

Kenal pasti simbol yang berikut:

- (i) U  
(ii) V  
(iii) W  
(iv) X  
(v) Y  
(vi) Z

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

## Bahagian C

6. Sejak Bandar Georgetown diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008, industri pelancongan di Pulau Pinang berkembang maju. Pada tahun 2015, bilangan pelancong domestik dan luar negara yang melancong ke Pulau Pinang telah mencecah angka sebanyak 6.3 juta orang. Sumbangan daripada industri pelancongan memberikan kesan pendaraban kepada industri-industri sokongan yang berkaitan, khususnya industri perhotelan, industri makanan dan minuman, industri pengangkutan, dan sebagainya.

Memandangkan hal yang demikian, Encik Morris bercadang untuk membuka sebuah hotel *homestay*, *Regina Inn* yang akan bertempat di Jalan Penang, Georgetown, Pulau Pinang. Beliau akan menjalankan perniagaannya secara sendiri kerana disebabkan oleh perniagaan milikan tunggal lebih mudah ditubuhkan.

Encik Morris telah menetapkan visi dan misi untuk *Regina Inn* sebelum mula beroperasi. Di samping itu, beliau juga menetapkan dua objektif utama sebagai panduan untuk menjalankan perniagaan. Kedua-dua objektif yang dibentuk perlu memenuhi ciri-ciri SMART. Objektif *Regina Inn* boleh ditunjukkan seperti yang berikut:

- (i) Mencapai titik pulang modal dalam masa empat bulan beroperasi.  
(ii) Memperoleh keuntungan sebanyak RM100 000 dalam masa setahun beroperasi.

Encik Morris telah menyediakan satu belanjawan bagi *Regina Inn*. Beliau menetapkan kadar sewa bilik sebanyak RM120.00 untuk satu malam. Kadar ini termasuk sarapan bagi dua orang. Encik Morris menganggarkan belanja operasi satu malam setiap bilik terdiri daripada kos sarapan RM13.00, kos perkhidmatan pengemas bilik RM4.00, kos dobi RM8.50, dan kos pelbagai RM12.00. Selain itu, beliau juga membuat anggaran susut nilai untuk bangunan penginapan ialah RM50 000 setahun. Manakala, susut nilai untuk perabot, lekapan, dan peralatan ialah RM18 000 setahun.

Encik Morris perlu mengupah tujuh orang pekerja untuk membantunya mengurus *Regina Inn*. Lima orang pekerja berada di bahagian jualan dan pentadbiran. Gaji yang akan dibayar kepada mereka adalah sebanyak RM54 000 setahun. Dua orang pekerja lagi berada di bahagian penyelenggaraan dan teknikal. Mereka akan dibayar gaji sebanyak RM32 000 setahun. Kos pentadbiran lain sebanyak RM12 000 dianggarkan perlu dibayar dalam setahun.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) (i) Apakah maksud objektif? [2 markah]  
(ii) Berikan **empat** kepentingan objektif kepada *Regina Inn*. [4 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri SMART. [5 markah]
- (c) (i) Apakah kos tetap? Berikan **satu** contoh. [2 markah]  
(ii) Apakah kos berubah? Berikan **satu** contoh. [2 markah]
- (d) (i) Hitung jumlah kos tetap bagi mengendalikan *Regina Inn*. [1 markah]  
(ii) Hitung jumlah kos berubah untuk satu bilik bagi *Regina Inn*. [1 markah]  
(iii) Hitung margin caruman sewa untuk satu bilik bagi *Regina Inn*. [1 markah]  
(iv) Hitung bilangan bilik yang perlu disewa dan hasil sewa yang perlu diperolehi untuk mencapai titik pulang modal. [2 markah]



<https://quizizz.com/admin/quiz/5e97a6cfda216a001cbff296/penetapan-visi-misi-dan-objektif>

